

eTiqa

Insurans Hayat

Triple Growth

**Pelaburan Bijak.
Ganjaran Lumayan.**



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa Life Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). I Ahli PIDM

Keinginan Untuk Dipenuhi

Gaya hidup kita bersifat dinamik, berubah seiring dengan langkah kita dalam memenuhi keinginan dan merealisasikan impian. Anda mungkin menginginkan masa depan yang lebih mengujakan, atau peluang untuk menerokai keindahan dunia yang tersembunyi, menjamu selera di lokasi-lokasi eksotik, mengembara ke seluruh dunia, memenuhi impian hidup orang yang tersayang atau membina kediaman di lokasi bertaraf tinggi. Anda mungkin juga memiliki sebuah perniagaan dengan rancangan untuk mengembangkannya di masa hadapan. Walau bagaimanapun, ini peluang untuk anda menikmati kehidupan seperti yang anda mahukan dan mendapatkan hasil dari pelaburan anda.

Itulah sebabnya simpanan terancang adalah sangat penting. Ia bermakna anda membuat pilihan bijak yang memastikan anda mendapat pulangan tahunan dijamin, komitmen jangka pendek dan perlindungan sepanjang hayat. Kami akan membantu menambah nilai simpanan anda sebagai ganjaran di masa hadapan.

Memperhebatkan Ganjaran Anda

Triple Growth ialah plan endowment sertain yang dinamik dengan bayaran premium selama 6 tahun serta Pembayaran Tunai Interim Tahunan Dijamin sehingga 9% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan dengan tempoh perlindungan jangka panjang.



Manfaat-Manfaat Utama



Tempoh Pembayaran Premium yang Singkat

Sertai tempoh pembayaran premium yang singkat untuk hanya 6 tahun bagi meningkatkan simpanan anda dan memaksimumkan pulangan sambil menikmati manfaat berterusan sehingga 20 tahun tempoh penyertaan.



Pembayaran Tunai Interim Dijamin

Nikmati Pembayaran Tunai Interim Tahunan Dijamin sehingga 9% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan bermula pada akhir tahun pertama polisi. Di akhir tempoh polisi, anda boleh menerima sejumlah 126% Pembayaran Tunai Interim Dijamin daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan. Anda boleh memilih untuk menerima bayaran tunai terkumpul secara tahunan atau mengumpulkan bayaran tunai dengan pihak Syarikat dan berpotensi untuk menerima pulangan yang lebih tinggi.

Akhir Tahun Polisi	Pembayaran Tunai Interim Tahunan Dijamin (% Jumlah Asas Diinsuranskan)
1 hingga 6	3%
7 hingga 12	6%
13 hingga 20	9%



Liputan Perlindungan

Seciranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) sebelum usia 65 tahun, anda akan menerima:

Jumlah Asas yang Diinsuranskan bersama sebarang tunggakan Pembayaran Tunai Interim Dijamin, ATAU jumlah premium tahunan asas yang telah dibayar (mana-mana yang lebih tinggi nilainya).

- + Bonus Berbalik Mudah Terkumpul (jika ada)
- + Bonus Terminal (jika ada)
- + Pembayaran Tunai Interim Dijamin yang Terkumpul (jika ada)

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan (sebelum usia 70 tahun) atau HUMK akibat kemalangan (sebelum usia 65 tahun), anda akan menerima tambahan 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan.

Sekiranya berlaku HUMK, jika Jumlah agregat yang Diinsuranskan* yang dibayar (bagi setiap hayat) mencapai sehingga RM1 juta, ia akan dibayar sekaligus. Jika Jumlah yang Diinsuranskan* melebihi RM1 juta, maka baki Jumlah yang Diinsuranskan* akan dibayar dalam satu (1) tahun selepas pembayaran pertama dilakukan, tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

* Termasuk Pembayaran Tunai Interim Dijamin tertunggak. Nilai penuh Bonus Berbalik Mudah tidak akan dibayar sekiranya polisi ini ditamatkan lebih awal atau ditukarkan.



Manfaat Matang

Apabila polisi telah matang, anda akan menerima:

Jumlah Asas yang Diinsuranskan

- + Bonus Berbalik Mudah Terkumpul (jika ada)
- + Bonus Terminal (jika ada)
- + Pembayaran Tunai Interim Dijamin yang Terkumpul (jika ada)

Pelan ini menyertai Dana Insurans Hayat Syarikat dalam bentuk Bonus Berbalik Mudah dan Bonus Terminal yang akan diisytiharkan bergantung kepada prestasi dana sertaan. Pembayaran bonus tidak dijamin dan tertakluk kepada prestasi dana sertaan.

Kelayakan

Umur minimum penyertaan	14 hari (1 tahun*)
Umur maksimum penyertaan	60 tahun*
Tempoh Premium	6 tahun
Jumlah Minimum yang Diinsuranskan	RM20,000
Jumlah Maksimum yang Diinsuranskan	RM1 juta bagi setiap hayat
Tempoh Polisi	20 tahun

* Umur Hari Lahir Berikutnya

Nota Penting

1. Pelan ini mungkin melayakkan anda untuk mendapat pengecualian cukai peribadi yang bergantung kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia.
2. Anda perlu memahami pelan ini dengan sepenuhnya untuk memastikan keperluan anda dapat dipenuhi dengan sebaiknya dan premium yang perlu dibayar di bawah pelan ini adalah berdasarkan kemampuan anda.
3. Jika Orang yang Diinsuranskan, ketika siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh polisi dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula, kami akan membayar balik premium yang telah dibayar tanpa sebarang faedah.
4. Pemegang polisi akan diberi tempoh tangguh selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir bayaran premium untuk membuat bayaran selanjutnya.
5. Polisi ini tidak mempunyai nilai tunai terjamin yang minimum sekiranya anda menamatkan polisi melainkan anda telah membayar premium sepenuhnya selama tiga (3) tahun.
6. Jika anda menamatkan polisi ini pada tahun-tahun awal, anda mungkin akan mendapat kembali amaun yang kurang daripada jumlah yang telah anda bayar.
7. Anda mempunyai hak untuk mengembalikan polisi ini bersama dengan arahan bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari selepas polisi diterima oleh anda, atas apa jua sebab. Jika dikembalikan, polisi ini akan dianggap terbatal dari permulaan dan apa-apa premium yang telah dibayar balik kepada anda, tolak sebarang kos pemeriksaan perubahan yang ditanggung.
8. Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh lima belas (15) hari, polisi ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada kami pada tarikh kami menerima polisi ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika polisi ini dihantar kepada kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika polisi ini dihantar secara elektronik.
9. Sila pastikan bahawa anda merujuk kepada Ilustrasi Jualan yang berkaitan dengan pelan yang disediakan kepada anda oleh Etiqa Life Insurance Berhad.
10. Risalah ini menyediakan huraian ringkas sahaja dan tidak menyeluruh. Untuk butiran lengkap mengenai produk, terma dan syarat, sila rujuk kontrak polisi.
11. Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak.
12. Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Etiqua Online 1300 13 8888
www.etiqua.com.my



Etiqua Life Insurance Berhad (201701025113)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T +603 2297 3888
F +603 2297 3800
E info@etiqua.com.my

Hubungi kami di

   **Etiqua**  myetiqua